



**PENGERUSI JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
MERANGKAP AHLI PARLIMEN PULAI
PEJABAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN MALAYSIA, JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-2601 7263 / 2698 6852 (DL)
Faks : 03-2698 9218
Email : pacparlimen@parlimen.gov.my
Laman Web : <http://www.parlimen.gov.my/pac>

1 FEBRUARI 2015

KENYATAAN MEDIA YB DATUK NUR JAZLAN MOHAMED, PENGERUSI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) BERHUBUNG ISU IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN (IPK) JOHOR.

KUALA LUMPUR: Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sudah mendapat penjelasan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) berhubung isu Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor yang terbengkalai Oktober lalu dan berpuas hati dengan tindakan diambil kementerian terbabit.

Pengerusinya, Datuk Nur Jazlan Mohamed, berkata KDN melalui Ketua Setiausahaannya ketika itu, Datuk Mohamad Khalid Shariff memberikan penjelasan mengenai isu IPK Johor sewaktu menghadiri prosiding jawatankuasa berkenaan berhubung pengurusan pembinaan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPPD) Sentul pada 14 Oktober lalu.

“Saya ingin menjelaskan KSU KDN ketika itu, menjelaskan kepada PAC bahawa kontraktor lama IPK Johor sudah ditamatkan perkhidmatan atas pelbagai sebab dan kementerian sudah melantik kontraktor baru bagi meneruskan pembinaan berkenaan.

“Kita berpuas hati dengan penjelasan KDN kerana tindakan sudah diambil kementerian sudah diambil bagi mengatasi kelewatan projek berkenaan,” katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Nur Jazlan berkata, isu mengenai kelewatan pembinaan IPK Johor itu mula disahkan sendiri Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Wan Junaidi Tuanku Jaafar dalam satu laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris pada Jun lalu.

Berikutan itu katanya, PAC memandang serius mengenai kelewatan berkenaan kerana ia berkaitan dengan soal keselamatan negara selain membabitkan imej kerajaan.

Selain itu, beliau berkata, kerajaan Johor juga sudah mengeluarkan kenyataan mengenai kelewatan pembinaan IPK Johor itu dan ia ternyata selari dengan tindakan yang sudah diambil KDN dengan menggantikan kontraktor baru.

“Di pihak PAC, kita berpendapat isu mengenai kelewatan pembinaan IPK Johor sudah diambil tindakan dan tiada lagi sebarang perkara berbangkit,” katanya.